

Bomba diarah pantau keselamatan pusat tahfiz

TANJONGKARANG—Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diarah supaya turun padang memantau aspek keselamatan keseluruhan bangunan pusat tahfiz, maahad dan pondok yang ada di negara ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar menegaskan, arahan itu bagi memastikan semua bangunan memenuhi piawaian keselamatan.

Menurutnya, bomba diarah turun padang tanpa perlu menunggu arahan Pusat dan menyiasat semua pusat tahfiz, pondok, maahad atau mana-mana institusi melibatkan pendidikan agama.

"Jika didapati masih belum dapat Sijil Perakuan Kelayakan (CF) atau Perakuan Kelayakan Menduduki (CCC), bimbinglah mereka dan beri khidmat nasihat piawai keselamatan.

"Bantu beri tunjuk dan kalau perlu ubah suai bangunan jika tak ikut aspek keselamatan, kena ubah ikut nasihat bomba. Jika masih gagal ikut nasihat, tindakan undang-undang akan diambil," katanya.

Mengulas lanjut, Noh turut menyifatkan tindakan undang-undang terhadap pengurusan maahad, tahfiz dan pondok tidak dapat menyelesaikan isu sepenuhnya.

"Ini kerana saya lihat budaya ibu bapa yang menghantar anak ke institusi tahfiz seperti ini meningkat seiring hasrat kerajaan yang mahu melahirkan pelapis gabungan ulamak dan profesional.

"Dalam hal ini, kita perlu 'situasi menang-menang' sebab kita mahu pusat tahfiz berkembang dan pada masa sama, aspek keselamatan diutamakan memandangkan rekod yang ada, 29 kes kejadian kebakaran dalam tempoh dua tahun.

"Perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya dan mohon pengurusan pusat tahfiz memberikan kerjasama dan menubuhkan pasukan bomba tahfiz sukarela," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian selepas ziarah lima rumah warga emas dan pesakit terlantar di Kampung Sungai Tenggi Kanan Baroh sempena Walkabout Parlimen Tanjung Karang.



Anggota Unit Forensik Bukit Aman bersiap sedia melakukan siasatan ke atas bangunan asrama Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah.